

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[ PADANG SERAI ]**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengenai pergelutan kuasa besar di kawasan perairan Asia Tenggara dan apa langkah Kerajaan dalam memastikan negara tidak terlibat sama.

**JAWAPAN**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Padang Serai** atas pertanyaan yang dikemukakan.

1. Isu mengenai perairan Asia Tenggara yang dirujuk adalah berkaitan dengan Laut China Selatan. Isu tersebut merupakan satu isu yang kompleks berikutan tuntutan-tuntutan bertindih antara beberapa negara-negara di rantau ini.
2. Dalam hal ini, ASEAN dan China mempunyai satu landasan bagi membincangkan tatalaku negara-negara ASEAN dan negara penuntut iaitu ASEAN-CHINA Joint Working Group on the Declaration of the Code of Conduct (JWG-DOC) . Deklarasi tersebut merupakan satu kesepakatan oleh 11 negara untuk bekerjasama dalam aman dan menggalakkan aktiviti confidence building measure di perairan tersebut.
3. Perkara-perkara berkaitan situasi di lapangan dan juga perkembangan di Laut China Selatan sentiasa dibincangkan di landasan

tersebut bagi mengawal dan mengimbangi sebarang situasi semasa dari menjadi lebih genting.

4. Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Luar Negeri khususnya, telah secara konsisten menyuarakan pendirian iaitu, **semua pihak perlu bekerjasama dalam usaha mengelakkan insiden sama ada disengajakan atau sebaliknya di perairan berkenaan.**

5. Kementerian juga sering menekankan pandangan kerajaan bahawa sebarang konflik yang berlaku hanya akan meningkatkan ketegangan sekaligus menggugat keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan. Oleh yang demikian, sebarang perbezaan dan pertikaian yang timbul perlu diselesaikan secara aman, tanpa menggunakan kekerasan atau ancaman kekerasan, menerusi dialog, rundingan atau lebih tepat, melalui jalan diplomasi.

6. Seterusnya, Malaysia tetap komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf secara sejagat, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut (KUUL) 1982.

7. Pendirian negara juga telah disuarakan **secara konsisten** di platform-platform antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ASEAN, termasuklah mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan Rakan Dialog ASEAN. Ianya juga disuarakan secara langsung kepada para pemimpin negara-negara yang terlibat dalam pergelutan tersebut.

8. Malaysia tidak akan mempertaruhkan hak dan kepentingan negara di Laut China Selatan dengan melibatkan diri dalam pertikaian kuasa besar di perairan tersebut. Dalam hal ini, Malaysia akan tetap berpegang kepada prinsip *rule of law* dalam hal-hal berkaitan pertikaian di perairan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI (PADANG  
SERAI)**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pada masa ini terdapat ramai anak-anak kaum india yang lahir di Malaysia masih tidak mempunyai sijil kelahiran. Masalah ini masih tidak dapat diselesaikan atas alasan ibu bapa sudah meninggal dunia atau ibu tidak mempunyai kad pengenalan. Mohon pihak Kementerian untuk mewujudkan SOP untuk memudahkan perolehan sijil kelahiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) **bertanggungjawab untuk mendaftarkan setiap kelahiran kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia** sama ada individu berkenaan bertaraf warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia. Pendaftaran kelahiran di Malaysia yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan kepada tiga (3) punca kuasa seperti mana berikut:-

- a) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) di Semenanjung Malaysia;
- b) Ordinan Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1951 (Sabah Cap. 123) di negeri Sabah; dan
- c) Ordinan Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) di negeri Sarawak.

Selaras dengan ketiga-tiga punca kuasa berkenaan, seseorang individu perlu memohon Daftar Lewat Kelahiran jika kelahirannya tidak didaftarkan di JPN selepas tempoh seperti berikut:-

- a) Selepas 60 hari dari tarikh kelahirannya di Semenanjung Malaysia; dan
- b) Selepas 42 hari dari tarikh kelahirannya di negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, pemohon perlu mengisi borang carian dan borang daftar kelahiran, membuatakuan bersumpah serta mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran, dan lain lain dokumen berkenaan bagi membuktikan kanak-kanak tersebut lahir dan berada di Malaysia. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga akan melakukan siasatan melalui temuduga sebelum sesuatu permohonan dipertimbangkan untuk keputusan. Permohonan Daftar Lewat Kelahiran boleh dikemukakan di mana-mana pejabat JPN yang berhampiran dan pada bila bila masa.